

Bonus Points Rewards Programme Terms & Conditions

Only Cardmembers of Principal ICBC credit cards issued by Credit Card Centre, Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad (“the Bank”) are eligible to participate in this Bonus Points Rewards Programme (“Programme”).

1. Acceptance of application for redemption of gift rewards/ annual fee (“Rewards”) is subject to the Card Account(s) under which the redemption stated to be made being (i.e. up to date of the application of the Rewards as determined by the date of receipt of the application) in normal/ current status (i.e. not overdue/ over limit/ in collection/ cancelled/ suspended) and there having been no breach by the Principal Cardmember and Supplementary Cardmember of any of his/her obligations under the applicable Cardmember Terms & Conditions. Otherwise, we reserve the absolute right to decline the redemption. All Rewards shall be entertained on a first-come-first served basis, while stock last.
2. All Cardmembers’ ICBC credit cards issued with Bonus Points feature are eligible to participate in this Programme. Provided that the Cardmember has accumulated sufficient and valid Bonus Points, and subject to condition (5) below, there is no limit to the number of Rewards that each Principal Cardmember is entitled to redeem at any one time. However, Bonus Points may not be encashed.
3. Subject to condition (5) below, only Principal Cardmember is entitled to redeem the Bonus Points accumulated in his or her related principal or supplementary ICBC Credit Card Account (“Card Account”). Supplementary Cardmember is not entitled to redeem the Bonus Points.
4. Cardmembers are to ensure that the signature on the Redemption Form matches the signature endorsed on the credit card application form.
5. Upon acceptance of the application, Bonus Points shall be deducted from Card Account specified by the Principal Cardmember. If it is discovered that the designated Card Account does not contain sufficient number of Bonus Points for deduction, the Principal Cardmember shall not be entitled to the related Rewards he/she has applied for, notwithstanding his/her application may have been accepted by the Bank. Acceptance of the application is also subject to condition (1) above. Principal Cardmember will be notified if his/her application is invalid and/or rejected.
6. For Dual Currency Credit Card, Bonus Points are awarded to the Cardmembers based on the total Ringgit Malaysia (“RM”) amount of retail purchases (within and outside Malaysia except in China) or total Chinese Yuan (“CNY”) amount of retail purchases (within China) charged to the Cardmember’s credit card which is reflected on the Cardmember’s statement. Every RM1 or CNY2 charged to the Cardmember’s credit card and reflected on the statement will earn one (1) Bonus Point. The Bank reserves the rights to change the Bonus Points earning rate.
7. For Single Currency Credit Card, Bonus Points are awarded to the Cardmembers based on the total RM amount of retail purchases (within and outside Malaysia) charged to the Cardmember’s credit card which is reflected on the Cardmember’s statement. Every RM1 charged to the Cardmember’s credit card and reflected on the statement will earn one (1) Bonus Point. The Bank reserves the rights to change the Bonus Points earning rate.
8. All Bonus Points for ICBC UnionPay Dual Currency and Visa Credit Card accounts are combined for both Principal and Supplementary Card Account.
9. Transactions which shall not earn Bonus Points include cash advances, balance transfer, purchases of petrol or diesel, installment, donations, purchase of casino chips, gambling transaction, fees and charges, unauthorized transaction, Goods and Services Tax (“GST”), other taxes imposed by law and other transactions as determined by the Bank.
10. For cancellation arising from returned goods or services or from billing disputes, the relevant Bonus Points awarded from such card transaction will be deducted from Card Account accordingly.
11. The Bonus Points awarded to Cardmembers has no expiry date.
12. Upon cancellation of the Card, unutilised Bonus Points earned shall be forfeited.
13. Fraud and abuse relating to the earning of Bonus Points in the Programme or redemption of Rewards may result in the cancellation of the accrued Bonus Points as well as cancellation of a Principal Cardmember’s entitlement to the Programme. The bank reserves the rights to take legal action in such cases and to recover (among others) the Rewards.
14. Cardmembers may utilise their Bonus Points to redeem annual fee including GST for their credit card(s). However, such option to redeem the Bonus Points for the annual fee including GST must be exercised by the cardmember two (2) months before the anniversary date of payment for annual fee.
15. All products and services features in the catalogue are subject to product and/or services availability, cardmember’s available Bonus Points, credit card account status and final acceptance by the Bank.
16. Bonus Points, which have been used to redeem any product and/or service, shall be deemed as extinguished. Request by Cardmembers for any change to or cancellation of a redemption, which has been accepted by the Bank, will not be entertained. Products and/or services redeemed cannot be returned or exchanged. The Bank shall have the absolute right to refuse any request for the redemption of any type

product or service which are no longer available. The Bank shall in its absolute discretion be entitled to substitute or remove any product and/or service from the Programme.

17. In the event that the Cardmember's choice of products or services are not available, the Bank shall have the absolute discretion to substitute it with an item of similar value. The Bank reserves the right, without giving any prior notice nor assigning any reason whatsoever to the Cardmembers, to discontinue and/or replace all or any of the products and services provided herein.
18. In the event of products being defective or damaged (not inclusive of gift vouchers, cash vouchers or any other form of paper voucher), Cardmember must report in writing to the Bank within seven (7) days from the date the item is received by the Cardmember failing which the Bank will not replace or assist a Cardmember on redemption item.
19. The Bank is not the supplier of any Rewards offered to Cardmember and will not accept any liability in relation thereto. The Bank shall not be held responsible in any way whatsoever for any damage or loss or accident from the use of any of the redeemed items. All representations and warranties relating to quality, design, specification or otherwise set out in this Bonus Points Rewards Catalogue in respect of such Rewards are made by the respective suppliers/ merchants and the Bank shall not be liable nor responsible in any way whatsoever to the Cardmembers resulting from discrepancies arose. The use of the Rewards will be bound by the terms and conditions of the respective suppliers/ merchants.
20. Cardmembers hereby give their consent to and authorise the Bank to use and/or disclose their particulars to third party including the participating suppliers/ merchants for the purpose of the Programme. The Bank warrants that the disclosure shall be limited to the Cardmember's name, address, telephone number and shall be used only in relation to and for the purpose of the Programme.
21. Should the utilisation of the Bonus Points and/or the redemption of gift result in a tax liability to the Cardmembers, the Bank shall not be responsible for paying the same. Any taxes or charges imposed by the relevant authorities/ service establishments/ suppliers pursuant thereto shall be borne by the Cardmembers.
22. Collection of the gift shall be made only at branches of the Bank.
23. The redemption gift will be delivered to Cardmembers within 4 to 6 weeks after receipt of the Cardmember's complete redemption form subject to availability of stock. During this period, a notification for redemption status will be sent to Principal Cardmember. If the Principal Cardmember does not receive the redemption gift, he/she should make inquiry at our 24-hour Customer Service Hotline.
24. The Bank has made every effort to ensure all information in this Bonus Points Rewards Catalogue is accurate. However, the Bank accepts no responsibility for any error or omission contained therein. The Bank reserves the right to make the final decision if there is any error or omission.
25. Upon cessation of the relevant merchant's business, the affected gift rewards shall be terminated immediately.
26. In case of any dispute arising from the Programme, the decision of the Bank shall be final.
27. All rewards featured in this Bonus Points Rewards Catalogue are valid from 1 April 2015 until further notice.

The Bank reserves the right to make final decision on all questions or disputes regarding eligibility for the Programme or the eligibility of Bonus Points for accrual or redemption of rewards, cash rebate and the change option of the Programme. The Bank reserves the right to amend this Terms and Conditions, to extend, shorten or withdraw the Programme and to substitute the prizes, at any time. Any such change will be announced on the Bank's website at www.icbcm.com.

If this English version of the terms and conditions does not conform to the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

Terma dan syarat Program Ganjaran Mata Bonus

Hanya Ahli Kad Kredit Utama ICBC yang dikeluarkan oleh Pusat Kad Kredit, Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad ("Bank") adalah layak untuk menyertai Program Ganjaran Mata Bonus ("Program") ini.

1. Penerimaan permohonan untuk penebusan ganjaran hadiah/yuran tahunan ("Ganjaran") adalah tertakluk kepada akaun kad di mana penebusan yang dinyatakan untuk penebusan adalah (iaitu sehingga tarikh permohonan Ganjaran seperti yang ditentukan oleh tarikh penerimaan permohonan) dalam status normal/semasa (iaitu tiada tertunggak/lebih had/dalam pungutan hutang/dibatalkan/digantung) dan tiada sebarang pelanggaran oleh Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan dalam mana-mana tanggungjawab beliau di bawah Terma dan Syarat Ahli Kad yang berkenaan. Jika tidak, kami berhak sepenuhnya untuk menolak penebusan. Semua Ganjaran akan dilayan secara pertama-datang-pertama dapat, sementara stok masih ada.
2. Semua kad kredit ICBC Ahli Kad yang dikeluarkan dengan ciri Mata Bonus layak untuk menyertai Program ini. Dengan syarat bahawa Pemegang Kad telah mengumpul Mata Bonus yang mencukupi dan sah, dan tertakluk kepada syarat (5) di bawah, Ahli Kad Utama berhak menebus pada bila-bila masa tanpa had untuk bilangan Ganjaran. Walau bagaimanapun, Mata Bonus tidak boleh ditunaikan.
3. Tertakluk kepada syarat (5) di bawah, hanya Ahli Kad Utama berhak menebus Mata Bonus dalam akaun Kad Utama ICBC beliau atau Akaun Kad Kredit Tambahan ICBC ("Akaun Kad"). Ahli Kad Tambahan tidak berhak untuk menebus Mata Bonus .
4. Ahli Kad perlu memastikan bahawa tandatangan pada Borang Penebusan adalah sama atau sepadan dengan tandatangan yang diendorskan pada borang permohonan kad kredit.
5. Setelah menerima permohonan, Mata Bonus akan ditolak dari Akaun Kad yang dinyatakan oleh Ahli Kad Utama. Jika didapati bahawa Akaun Kad yang ditetapkan tidak mengandungi jumlah Mata Bonus yang mencukupi untuk penolakan, Ahli Kad Utama tidak layak untuk Ganjaran yang beliau telah pohon, walaupun permohonan beliau telah diterima oleh Bank. Penerimaan permohonan ini juga tertakluk kepada syarat (1) di atas. Ahli Kad Utama akan dimaklumkan jika permohonan beliau adalah tidak sah dan/atau ditolak.
6. Untuk Kad Kredit Dwi Mata Wang, Mata Bonus diberikan kepada Ahli Kad adalah berdasarkan jumlah Ringgit Malaysia ("RM") untuk pembelian runcit (di dalam dan di luar Malaysia kecuali di China) atau jumlah Yuan Cina ("CNY") dalam pembelian runcit (di China) yang dicajkan kepada kad kredit Ahli Kad yang ditunjukkan dalam penyata bulanan Ahli Kad. Setiap RM1 atau CNY2 dicaj kepada kad kredit Ahli Kad dan ditunjukkan pada penyata bulanan akan memperolehi satu (1) Mata Bonus. Bank berhak untuk menukar kadar peruntukan Mata Bonus.
7. Untuk Kad Kredit Mata Wang Tunggal, Mata Bonus diberikan kepada Ahli Kad berdasarkan jumlah RM untuk pembelian runcit (di dalam dan di luar Malaysia) dicaj kepada kad kredit Ahli Kad yang ditunjukkan dalam penyata bulanan Ahli Kad. Setiap RM1 dicajkan kepada ini kad kredit Ahli Kad dan ditunjukkan pada penyata bulanan akan memperolehi satu (1) Mata Bonus. Bank berhak untuk menukar kadar peruntukan Bonus Mata.
8. Semua Mata Bonus untuk akaun Kad Kredit ICBC UnionPay Dwi Mata Wang dan Visa adalah digabungkan bagi kedua-dua Akaun Kad Utama dan Kad Tambahan.
9. Transaksi yang tidak memperolehi Mata Bonus termasuk pendahuluan wang tunai, pemindahan baki, pembelian petrol or diesel, ansuran, derma, pembelian cip kasino, urus niaga perjudian, yuran dan caj, transaksi yang tidak dibenarkan, Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST"), lain-lain cukai yang dikenakan oleh undang-undang dan lain-lain transaksi yang ditentukan oleh Bank.
10. Pembatalan yang disebabkan oleh pemulangan barangan, perkhidmatan atau pertikaian bil, Mata Bonus berkenaan yang diperolehi daripada transaksi kad itu akan ditolak daripada Akaun Kad dengan sewajarnya.
11. Mata Bonus diberikan kepada Ahli Kad tidak mempunyai tarikh luput.
12. Setelah pembatalan Kad, Mata Bonus terkumpul yang tidak digunakan akan dibatalkan.
13. Penipuan dan penyalahgunaan yang berkaitan dengan perolehan Mata Bonus dalam Program atau penebusan Ganjaran akan menyebabkan pembatalan Mata Bonus terkumpul dan pembatalan kelayakan Ahli Kad Utama untuk Program ini. Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang dalam kes-kes tersebut dan untuk mendapatkan kembali (antara lain) Ganjaran.
14. Ahli Kad boleh menggunakan Mata Bonus untuk menebus yuran tahunan termasuk GST bagi kad kredit mereka. Walau bagaimanapun, pilihan untuk menebus Mata Bonus untuk bayaran yuran tahunan termasuk GST perlu di hantar oleh ahli kad dua (2) bulan sebelum tarikh ulang tahun bayaran yuran tahunan.
15. Semua produk dan perkhidmatan dalam katalog adalah tertakluk kepada ketersediaan produk dan/atau perkhidmatan, Mata Bonus terkumpul, status akaun kad kredit dan penerimaan akhir oleh Bank.
16. Mata Bonus yang telah digunakan untuk menebus mana-mana produk dan/atau perkhidmatan, akan dianggap sebagai ditolakkan. Permintaan oleh Ahli Kad untuk sebarang perubahan atau pembatalan penebusan, yang telah diterima oleh Bank, tidak akan dilayan. Produk dan/atau perkhidmatan yang ditebus tidak boleh dipulangkan atau ditukar. Bank berhak mutlak untuk menolak sebarang permintaan penebusan jenis produk atau perkhidmatan yang tiada lagi. Bank mengikut budi bicara mutlaknya berhak untuk menggantikan atau mengeluarkan sebarang produk dan/atau perkhidmatan daripada Program ini.

17. Sekiranya pilihan produk atau perkhidmatan Ahli Kad tidak boleh didapati, Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menggantikan ia dengan produk atau perkhidmatan yang sama nilai. Bank berhak, tanpa memberi notis terlebih dahulu dan tidak memberikan apa-apa jua sebab kepada Ahli Kad, untuk menamatkan dan/atau menggantikan semua atau mana-mana produk dan perkhidmatan yang disediakan di sini.
18. Sekiranya produk adalah cacat atau rosak (tidak termasuk baucar hadiah, baucar tunai atau sebarang bentuk baucar kertas), Ahli Kad mesti melaporkan secara bertulis kepada Bank dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh item diterima oleh Ahli Kad, jika gagal Bank tidak akan menggantikan atau membantu Ahli Kad pada item penebusan.
19. Bank bukan pembekal sebarang Ganjaran yang ditawarkan kepada Ahli Kad dan tidak akan menerima sebarang liabiliti berhubung dengannya. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk sebarang kerosakan atau kehilangan atau kemalangan disebabkan oleh penggunaan mana-mana item yang ditebus. Segala representasi dan jaminan berhubung dengan kualiti, reka bentuk, spesifikasi atau sebaliknya dinyatakan dalam Katalog Ganjaran Mata Bonus ini adalah dibuat oleh pembekal/peniaga masing-masing dan Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun kepada Ahli Kad akibat daripada kekeliruan yang timbul. Penggunaan Ganjaran adalah terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat pembekal/peniaga masing-masing.
20. Ahli Kad dengan ini memberi persetujuan dan kuasa kepada Bank untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka kepada pihak ketiga termasuk pembekal/peniaga yang mengambil bahagian bagi tujuan Program ini. Bank waran bahawa pendedahan ini adalah terhad kepada nama Ahli Kad, alamat, nombor telefon dan hendaklah digunakan hanya berhubung dengan dan bagi tujuan Program ini.
21. Sekiranya penggunaan Mata Bonus dan/atau penebusan hadiah menghasilkan liabiliti cukai kepada Ahli Kad, Bank tidak bertanggungjawab untuk membayarnya. Sebarang cukai atau caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan/ syarikat perkhidmatan/ pembekal hendaklah ditanggung oleh Ahli Kad.
22. Pengambilan hadiah penebusan hanya boleh dibuat di cawangan Bank.
23. Hadiah penebusan akan dihantar kepada Ahli Kad dalam tempoh 4 hingga 6 minggu selepas penerimaan borang penebusan Ahli Kad yang lengkap dan tertakluk pada ketersediaan stok. Dalam tempoh ini, pemberitahuan status penebusan akan dihantar kepada Ahli Kad Utama. Jika Ahli Kad Utama tidak menerima hadiah penebusan, dia perlu membuat pertanyaan di Talian Perkhidmatan Pelanggan 24-jam kami.
24. Bank telah membuat segala usaha untuk memastikan semua maklumat di dalam Katalog Ganjaran Mata Bonus ini adalah tepat. Walau bagaimanapun, Bank tidak bertanggungjawab sebarang kesilapan atau ketinggalan yang terkandung di dalamnya. Bank mempunyai hak untuk membuat keputusan akhir jika terdapat apa-apa kesilapan atau ketinggalan.
25. Setelah penamatan perniagaan oleh peniaga yang berkenaan, ganjaran hadiah yang terjejas akan ditamatkan serta-merta.
26. Dalam hal apa-apa pertikaian yang timbul daripada Program ini, keputusan Bank adalah muktamad.
27. Semua ganjaran yang dalam Katalog Ganjaran Mata Bonus ini adalah sah dari 1 April 2015 sehingga diberitahu kelak.

Bank mempunyai hak membuat keputusan muktamad bagi semua soalan atau pertikaian mengenai kelayakan untuk Program atau kelayakan Bonus Mata untuk akruan atau penebusan ganjaran, rebat tunai dan pilihan perubahan Program. Bank berhak meminda Terma dan Syarat ini, melanjutkan, memendekkan atau menarik balik Program ini dan menggantikan hadiah, pada bila-bila masa. Sebarang perubahan akan diumumkan di laman web Bank di www.icbcm.com.

Jika terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris ini tidak menepati versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.